



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## PENGUMUMAN SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN (SHMMP) DEEPAVALI 2023

**BERANANG, 6 NOVEMBER 2023** – Menjelang sambutan perayaan Deepavali 2023 pada 12 November 2023, **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** akan melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali 2023** berkuatkuasa dari **9 November hingga 15 November 2023**.

2. Tempoh pelaksanaan adalah selama **7 hari iaitu 3 hari sebelum perayaan, semasa perayaan dan 3 hari selepas perayaan**. Selain daripada barang-barang di bawah harga kawalan maksimum sedia ada, Kementerian telah mengenal pasti sebanyak **8 jenis barang** yang akan dikawal di bawah Skim ini. Barang yang terlibat di bawah Skim adalah:

- i. Bawang merah besar import;
- ii. Bawang merah kecil (India) tidak termasuk Ros;
- iii. Cili merah;
- iv. Daging kambing biri-biri bertulang import;
- v. Kacang dal (Australia);
- vi. Kelapa biji (\*Harga maksimum di peringkat borong sahaja);
- vii. Kelapa parut (\*Harga maksimum di peringkat runcit sahaja); and
- viii. Tomato.

3. Tempoh pelaksanaan **SHMMP Deepavali 2023** kali ini adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa bagi menjamin kestabilan harga kepada kedua-dua pihak sama ada di peringkat pengguna mahupun peniaga.

4. Senarai barang, paras harga maksimum dan tempoh pelaksanaan ditentukan berdasarkan beberapa faktor seperti faktor permintaan serta penawaran, kos semasa, cuaca, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan faktor-faktor luaran seperti ekonomi global.

5. Penentuan harga ini dibuat dengan mengambil kira pandangan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi-agensi Kerajaan dan pemain-pemain industri.

6. **SHMMP Deepavali 2023** akan dikuatkuasakan melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011**. **Harga maksimum yang telah ditetapkan untuk SHMMP Deepavali 2023 di peringkat pemborong dan peruncit** boleh disemak melalui laman web Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di [www.kpdn.gov.my](http://www.kpdn.gov.my).

7. **Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa KPDN** di seluruh negara akan meneruskan pemeriksaan dan pemantauan secara berterusan di lokasi-lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah barang keperluan perayaan bagi menjalankan penguatkuasaan untuk melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang tidak beretika.

8. Kementerian sentiasa menjalankan kerjasama dengan KPKM untuk memastikan bekalan barang yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan SHMMP.

9. **Kerajaan berharap semua pihak dapat mematuhi harga-harga yang telah ditetapkan ini dan menggunakan label merah jambu bagi barang yang dikawal harganya.** Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan di bawah skim ini. Mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

(i) **Kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum:**

a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga **RM100,000** atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga **RM50,000**; dan

b) **Syarikat;** boleh didenda sehingga **RM500,000** atau dikompaun sehingga **RM250,000**.

(ii) **Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal:**

a) **Individu;** boleh didenda oleh mahkamah sehingga **RM10,000** atau dikompaun sehingga **RM5,000**; dan

- b) **Syarikat**; boleh didenda sehingga **RM20,000** atau dikompaun sehingga **RM10,000**.
10. **KPDN** meminta kerjasama orang ramai untuk memaklumkan sebarang aduan melalui saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317 / 019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDN iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800;
- iv. E-mel [e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:e-aduan@kpdn.gov.my);
- v. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDN;
- vi. Bilik Gerakan Penguatkuasaan 03-8882 6088 / 6245, dan
- vii. **Kod QR Aduan Bekalan**:



**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
PEMANGKU MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
BERANANG, SELANGOR, 6 NOVEMBER 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



Perbadanan Harta Intelek Malaysia  
Intellectual Property Corporation of Malaysia



SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA